

20/03/1998

Paksu Choh dan kolah surau

NAMANYA Jusoh Man. Tetapi di kampung dia lebih dikenali dengan panggilan Paksu Choh. Siapa yang tidak kenal Paksu Choh, tok guru yang sudah banyak menabur jasa di kampung itu.

Sejak berpuluh tahun lalu, di rumahnyalah anak kampung itu belajar Muqaddam dan al-Quran. Di rumahnya juga orang dewasa kampung itu belajar agama. Dan, rumahnya sedikit demi sedikit diperbesarkan mengikut keupayaannya, bagi menampung kedatangan anak kampung yang dahagakan ilmu agama.

Akhirnya sebahagian dari rumahnya itu dijadikan surau, bagi memudahkan orang kampung solat berjemaah. Semua perbelanjaan membesarkan rumahnya hingga menjadi surau itu adalah daripada wang pendapatannya sendiri.

Inilah potret seorang petani kampung yang berilmu dan berbudi. Sanggup mengorbankan wang, tenaga dan masanya demi mengangkat martabat anak kampung supaya tidak jahil dalam ilmu agama. Inilah potret mulia warisan generasi lama yang semakin pupus. Carilah di seluruh pelosok negara hari ini, tidak mudah lagi untuk kita menemui orang berilmu dan beramal seperti Paksu Choh. Secara diam-diam mereka berbudi kepada bangsa, agama dan negara.

Apabila orang kampung berpakat menubuhkan cawangan Umno di kampung itu, mereka tidak nampak orang lain lagi untuk diangkat menjadi ketua mereka, melainkan Paksu Choh. Dan sejak itu hinggalah ke hari ini, jawatan ketua Umno cawangan kampung itu disandang Paksu Choh dan tidak pernah dicabar.

Kini usia Paksu Choh melampaui 70 tahun. Badannya masih sihat dan kuat, masih mampu turun ke bendang melihat padi di sawah. Pada suatu hari ketika melihat orang mengambil wuduk di suraunya, Paksu Choh tiba-tiba sedar yang suraunya tidak ada kolah tempat mengambil wuduk seperti kebanyakan surau dan masjid lain. Hal itu memberi sedikit masalah kepada ahli jemaah suraunya selama ini. Dia terfikir untuk membuat kolah, bagi memudahkan ahli jemaah menunaikan ibadat.

Sebagai ketua Umno cawangan, Paksu Choh tahu kerajaan ada menyediakan peruntukan melalui pejabat daerah, untuk perbelanjaan bagi kemudahan rakyat seperti memperbaiki surau, masjid dan sebagainya. Untuk membuat kolah di suraunya, dia memang layak memohon peruntukan itu.

Paksu Choh pun membuat permohonan di Pejabat Daerah dan tidak lama kemudian dia menerima jawapan yang permohonannya diluluskan. Dia gembira. Hal ini dinyatakannya kepada Datuk Paduka Ketua Umno bahagian, yang kebetulan singgah menunaikan solat di suraunya.

Datuk Paduka selaku Ketua Umno bahagian memang selalu melawat kampungnya dan setiap kali melawat dia akan singgah di surau Paksu Choh. Dengan membawa perasaan gembiranya, Paksu Choh pergi ke pejabat daerah untuk mendapatkan bantuan berkenaan yang sudah diluluskan sebanyak RM1,500. Tetapi apabila bertemu pegawai berkenaan, jawapan yang didengar telinga Paksu Choh sungguh pedih dan mengecewakan.

Belum pernah dalam sejarah perjuangannya bersama Umno sejak dia menyertai parti itu Paksu Choh berasa cukup kecewa. Dia pulang dengan rasa hampa dan kesal. Mengapa permohonannya yang sudah diluluskan tiba-tiba dibatalkan?

Mengikut kata pegawai berkenaan, kelulusan itu dibatalkan wakil rakyat kawasannya sendiri. Soalnya mengapa?

Sebelum ini, Paksu Choh bukan tidak pernah mendengar cerita yang wakil rakyat terbabit ada membatalkan beberapa peruntukan yang diluluskan

seperti itu terhadap pihak tertentu. Dia pernah mendengar cerita begitu, tetapi dia sama sekali tidak pernah terfikir perkara begitu akan berlaku kepada dirinya.

Setiap kali orang menceritakan hal wakil rakyat terbabit membatalkan peruntukan, memecat orang tertentu dan sebagainya, dia akan berfikir perkara itu dilakukan oleh yang terhormat itu, tentu dengan sebab yang munasabah. Tetapi, apakah sebab munasabah yang boleh menyebabkan peruntukan bantuan untuk membuat kolah suraunya sebanyak RM1,500 itu dibatalkan? Di manakah silapnya?

Paksu Choh tidak puas hati, lalu dia pergi berjumpa YB berkenaan. Apabila dia bertanya mengapa YB bertindak demikian terhadap permohonannya, YB itu pula bertanya dia, mengapa tidak memohon bantuan daripada Datuk Paduka Ketua bahagian?

"Bukankah Paksu menjemput Datuk Paduka itu datang ke surau Paksu? Mintalah bantuan dia. Mengapa minta peruntukan daripada saya?" YB itu menyindir Paksu Choh.

Demikianlah episod `kisah benar' dalam senario kepemimpinan Umno peringkat bahagian yang menjadi tumpuan perbincangan ini. Episod Paksu Choh dan kolah suraunya hanya secebis daripada sekian banyak kisah sedih dan pedih bagaimana YB wakil rakyat memanipulasi peruntukan bantuan untuk rakyat di kawasanya, bagi tujuan memperkuatkan kedudukannya dalam parti, bukan demi memperbaiki taraf hidup penduduk di kawasan yang diwakilinya.

Dalam kes yang dibincangkan, YB wakil rakyat itu adalah seorang Exco kerajaan negeri yang bercita-cita hendak bertanding merebut jawatan ketua Umno di bahagian itu. Banyaklah berlaku peristiwa membatalkan peruntukan yang diluluskan seperti dalam kes Paksu Choh tadi.

Manipulasi dan diskriminasi peruntukan bantuan rakyat yang dimaksudkan di atas adalah diskriminasi di kalangan ahli Umno sendiri, iaitu antara penyokong YB berkenaan dengan yang bukan penyokongnya. Ini belum lagi dikira diskriminasi antara rakyat daripada penyokong parti pemerintah dengan penyokong parti pembangkang, yang berlaku agak berleluasa.

Manipulasi dan diskriminasi seperti ini seharusnya tidak diamalkan oleh wakil rakyat berwibawa. Kepentingan rakyat sewajarnya diutamakan sepanjang masa, bukan kepentingan diri sendiri dalam mengejar jawatan mahupun kemewahan. Tetapi prinsip ini nampaknya semakin dilupakan akhir-akhir ini. Akibatnya rasa tidak puas hati di kalangan rakyat khususnya di kalangan ahli Umno sendiri semakin marak di peringkat akar umbi.

Persaingan merebut jawatan dalam parti menjadi begitu sengit dan dilakukan secara terbuka dan `berani'. Bahkan ada yang menunjukkan sikap `berani' yang begitu hebat hingga mencapai peringkat `ganas' dan `kurang ajar'. Keadaan ini bukan saja dilihat pada yang terpancar dalam dewan mesyuarat memilih perwakilan di peringkat cawangan yang sedang rancak berjalan, tetapi lebih hebat lagi yang bergolak dan menggelegak di kalangan ahli di seluruh negara, menjelang mesyuarat pemilihan perwakilan bahagian.

Tidak hairanlah mengapa Presiden parti mengeluarkan nasihat supaya ketua bahagian tertentu tidak dicabar. Tujuannya tidak lain melainkan untuk meredakan sedikit persaingan yang sedemikian sengit dan hebat itu.

Orang veteran seperti Paksu Choh itu sebenarnya amat diperlukan dalam pembangunan masyarakat madani yang menjadi perjuangan kita hari ini. Banyak sumbangan yang boleh mereka berikan kepada masyarakat khususnya generasi muda yang nampaknya semakin tidak sabar untuk sampai ke puncak hingga sanggup melanggar moral dan tata susila agama.

Ramai tokoh muda dalam Umno yang tidak sabar untuk naik ke atas. Dari Sabah hingga ke Perlis banyak episod yang sama dengan Paksu Choh kita dengar. Ini tidak termasuk cerita wakil rakyat memecat beberapa orang Ketua cawangan Umno veteran daripada jawatan Pengerusi JKKK kerana enggan

menjadi `orangnya'. Cerita sebegini memilukan kita. Apakah yang akan terjadi kepada Umno pada masa depan jika budaya seperti ini bermaharajalela? Barangkali mereka ini patut berguru lagi daripada `orang lama' yang bijaksana seperti Paksu Choh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan rasa bimbangannya terhadap kemerosotan moral generasi baru, hingga dia mencadangkan supaya pelajaran moral diberi perhatian yang lebih sungguh-sungguh di kolej dan sekolah.

Tinjauan rambang yang penulis lakukan dengan mengikuti perjalanan `kempen senyap' (tetapi tidak kurang hebatnya) pemilihan pemimpin Umno di beberapa bahagian di Selangor, Kelantan dan Kedah baru-baru ini, memberikan kesan kebimbangan yang serius. Moral dan etika nampaknya semakin terpinggir. Persaingan menjurus kepada taktik yang terlalu teknikal dan kadang-kadang mengandungi unsur ganas dan ugutan, hingga terasa benar seolah-olah Melayu kini adalah Melayu baru yang perwatakannya begitu asing daripada apa yang diperjuangkan oleh Umno sendiri. Untuk menyatakan idealisme perjuangan Umno sudah semakin pupus memang mudah. Tetapi sekadar mengatakannya saja apa gunanya! Sesuatu mesti dilakukan secara penuh sedar dan insaf.

Benar ekonomi kita sedang mengalami kegawatan. Tetapi moral dan etika di dalam politik Umno juga tidak kurang gawatnya. Di sana sini angin pertandingan Naib Presiden 1999 sudah mula bertiup kencang. Sebelum angin ini bertukar menjadi ribut ganas, eloklah sesuatu dilakukan bagi mengawal gelodak semangat orang baru yang semakin tidak sabar untuk mendaki ke puncak itu.

Orang seperti Paksu Choh itu janganlah sampai dijadikan mangsa dalam kita berpolitik. Apa yang menjadi hak rakyat jelata berikanlah kepada mereka secara adil dan ikhlas. Jangan sama sekali dimanipulasi mengikut nafsu politik diri sendiri, kerana apabila orang kampung menjadi bosan dan meluat dengan telatah kita yang mengada-ngada, mereka boleh menukar haluan dan harapan ke arah lain.